

**AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH: PERSPEKTIF
MASLAHAH DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM**

Afnan Faiz Ridzuan bin Ahmad & Jasni Sulong

ABSTRACT

Islam emphasizes education in all aspects, whether in theory, practice, skills and leadership. Education in today's schools is divided into a curriculum that contains a specific syllabus as well as contains students' association, sports and uniforms activities. Co-curriculum is part of the national education system. Taking into account the benefit aspects of the curriculum in the implementation of co-curricular activities, it will ensure that the objectives that are outlined by the Ministry of Education Malaysia will be met, likely it will benefit students and avoid the harm. The failure of administrators, teachers and students to grasp the concept of maslahat makes co-curricular activities marginalized and seen as less important than academic matters. As a result, parents and guardian who will not emphasize on co-curricular activities which are considered as an extra that contribute to the skip by students. In this regard, the study was conducted to highlight the concept of masalah in the activities and its position according to maqasid al-shari'ah. Through this analysis, it is found that co-curricular activities rank at different categories based on the resolutions made by the Islamic scholars. The results of this study are expected to contribute towards the improvement of the national education system in Malaysia especially in co-curricular activities.

Keywords: *curriculum, education*

Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains
Malaysia, Pulau Pinang
jasni@usm.my

PENDAHULUAN

Aktiviti yang sihat dan bermanfaat dalam Islam adalah harus sifatnya, dan lagi dituntut sekiranya ia memberi manfaat kepada seseorang. Segala aktiviti yang bersifat membina minda dan fizikal yang sihat ini selari dengan laungan *al-'aql al-salim fi al-jism al-salim*. Islam bukan sekadar menghendaki kesihatan pada pemikiran, malah juga kepada anggota badan supaya seseorang itu akan sihat pada keseluruhan dirinya.

Pendidikan kebangsaan terdiri daripada elemen kurikulum dan aktiviti kokurikulum yang bertujuan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pembahagian ini dijelaskan dalam Seksyen 3(1), Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Sebelum ini kokurikulum lebih dikenali sebagai kurikulum tambahan atau pun kegiatan luar darjah (Akta Pelajaran 1956). Kokurikulum ialah semua aktiviti yang dirancang dan dijalankan oleh pihak sekolah sebagai pengukuhan kepada proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku dalam kelas untuk mencapai objektif pendidikan. Penganjuran aktiviti kokurikulum boleh dijalankan dalam kelas atau pun di luar kelas selepas tamat sesi persekolahan dan aktiviti ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Dasar Pendidikan Kebangsaan 1996) seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga dan negara”

Pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah adalah atas dasar menjamin kebaikan kepada semua pelajar. Dasar ini adalah bertepatan dengan *masalahah* iaitu mencapai manfaat dan menolak keburukan dan selari dengan *maqasid al-shari'ah* (Ahmad al-Raysuni, 2014: 125).

PENGERTIAN MASLAHAH

Maslahah adalah kata nama tunggal kepada perkataan *masalih* yang bermaksud sesuatu perkara yang bermanfaat sama ada manfaat itu berbentuk keduniaan atau pun ukhrawi. *Maslahah* ini boleh diperolehi dengan cara mencapai manfaat dan menolak kemudaratan ('Iyadh al-Silmi, 2005: 204). Justeru, semua perkara yang mengandungi kebaikan sama ada melalui kaedah memperolehi faedah-faedah dan kenikmatan-kenikmatan atau menolak kemudaratan-kemudaratan serta penyakit-penyakit adalah dikenali sebagai *masalahah* (Ibn Manzur, t.t: 2: 348).

Perkara ini adalah selari dengan pendapat al-Ghazali (1971: 275) yang mengatakan bahawa *masalahah* adalah setiap sesuatu yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Apabila perkara-perkara asas ini tidak dilindungi maka perbuatan itu merupakan *mafsadah*.

'Izz al-Din 'Abd al-Salam (t.t: 12) pula membahagikan *masalahah* kepada dua kategori iaitu *masalahah* yang bersifat keduniaan dan *masalahah* yang bersifat ukhrawi. Bagi setiap kategori ini terdapat empat jenis *masalahah* iaitu kesedapan, sebab-sebab yang menjadi faktor memperolehi kesedapan, kegembiraan dan sebab-sebab yang menjadi faktor memperolehi kegembiraan. Antara *masalahah* yang berupa kesedapan ukhrawi adalah apabila seseorang mukmin itu mendapat nikmat yang sangat indah dalam syurga. Ini berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud:

Diedarkan kepada mereka piring-piring daripada emas dan piala-piala serta dalam syurga itu terdapat segala apa yang diinginkan oleh hati dan sedap (dipandang) mata dan kamu kekal di dalamnya". (al-Zukhruf 43: 71).

Kegembiraan yang merupakan *masalah* ukhrawi pula ialah orang mukmin akan bergembira dengan kurniaan Allah SWT kepada mereka dalam syurga. Firman Allah SWT yang bermaksud:

mereka bergembira dengan nikmat dan kurniaan yang yang besar daripada Allah, dan bahawa Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang beriman. (Ali Imran 3: 171)

Justeru, menurut beliau semua kebaikan, manfaat dan keelokkan adalah *masalah*. Beliau menyebut perkara tersebut dalam kitab *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam* yang bermaksud:

Syariat itu semuanya adalah *masalah*, sama ada menolak kerosakan atau mengambil kebaikan.

Seterusnya Al-Shatibi (2011: 2: 2) menyebut dalam kitab *al-Muwafaqat* bahawa *masalah* menjadi asas kepada pembinaan sesuatu hukum:

dan syariat itu tidak dijadikan melainkan untuk mencapai kebaikan-kebaikan kepada manusia pada masa sekarang dan akan datang serta menolak kerosakkan daripada mereka.

Jumhur ulama telah mendatangkan pelbagai dalil untuk menunjukkan *masalah mursalah* diterima sebagai hujah dalam penetapan hukum. Ayat-ayat al-Quran yang menunjukkan bahawa pertimbangan *masalah* manusia diterima pakai dalam penentuan hukum-hukum syarak seperti firman Allah SWT dalam yang bermaksud:

Dan Tiadalah Kami mengutus kamu melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam. (al-Anbiya' 21: 107).

Pemahaman daripada ayat ini menunjukkan bahawa semua hukum yang disyariatkan adalah bersifat rahmat kepada sekalian alam. Sekiranya pengutusan Rasulullah SAW ke dunia dengan hukum yang tidak meraikan *masalah* manusia maka pengutusan tersebut tidak bersifat rahmat. Ini kerana taklifan setiap hukum-hukum yang tidak mengandungi manfaat dan faedah kepada kehidupan manusia adalah bercanggah dengan zahir ayat (Wahbah al-Zuhaili, 1986: 762). Begitu juga firman Allah SWT:

Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. (al-Quran al-Baqarah 2: 185)

Allah hendak memberikan keringanan kepadamu dan manusia dijadikan bersifat lemah. (al-Quran al-Nisa 4: 28)

Islam meraikan segala perkara yang memberi manfaat dan menolak mudarat kepada umatnya. Ini selari dengan sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Ibn Majah no hadith 2340, yang bermaksudnya, tiada kemudharatan dan jangan memudaratkan. Ajaran islam bukanlah menyusahkan umat tetapi ke arah membawa perubahan sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W lagi yang diriwayatkan oleh Bukhari no hadith 39 yang bermaksud sesungguhnya agama Islam itu adalah mudah dan yang diriwayatkan oleh Ahmad, no hadith 21788 yang maksudnya aku telah diutuskan dengan agama yang suci dan mudah.

Ayat-ayat al-Quran dan hadith ini menunjukkan bahawa syariat Islam adalah mudah dan bersifat meraikan *masalah* manusia dan menolak sebarang keburukan dan *mafsadah* yang mengganggu kelangsungan hidup ('Iyadh al-Silmi, 2005: 208). Islam adalah agama yang mudah dan sesuai kepada semua manusia serta jauh daripada sebarang kesusahan dan kesulitan (Mustafa Dib al-Bugha, 2007: 109). Kehidupan manusia sentiasa berkembang dan cara manusia untuk mencapai *masalah* adalah berbeza mengikut perkembangan zaman dan masa. Jika syarak menetapkan hukum-hukum yang dibina hanya berdasarkan *masalah* yang dinaskan sahaja maka perkara ini akan mengakibatkan banyak *masalah* manusia akan terabai. Objektif syarak yang

menetapkan mencapai *masalah* dan menolak *mafsadah* daripada kehidupan manusia tidak akan tercapai jika penyariatian bersifat statik dan tidak berkembang mengikut peredaran zaman.

KEDUDUKAN KOKURIKULUM DALAM SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Kokurikulum ialah aktiviti tambahan dalam pendidikan di mana ia dilaksanakan selepas waktu pelajaran formal. Aktiviti ini sebagai lanjutan dalam sesi persekolahan yang boleh dilakukan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Menurut Akta Pendidikan 1995, kokurikulum adalah merujuk kepada segala kegiatan yang dirancang sebagai lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan dalam bilik darjah dengan tujuan untuk memberikan para pelajar peluang yang lain untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari sebelum secara formal.

Seterusnya Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) telah mewajibkan supaya setiap aktiviti kokurikulum dijalankan di sekolah-sekolah. Ia merupakan sebahagian daripada kurikulum kebangsaan dan telah diperuntukkan dengan jelas dalam Seksyen 3(1), Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) 1997:

“Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan”

Aktiviti kokurikulum yang hendak dijalankan mestilah mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan yang jelas dan turut mempunyai skema penilaian yang bersifat progresif dan pragmatis. Dalam pada itu, aktiviti kokurikulum tersebut juga perlu mempunyai elemen-elemen pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran baru yang akan diperolehi oleh pelajar melalui pengalaman sepanjang melaksanakan aktiviti tersebut. Perkara ini penting kerana aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti lanjutan kepada proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku dalam bilik darjah yang berfungsi sebagai pengukuhan dan menjadi platform untuk pelajar mengamalkan ilmu yang telah dipelajari. Justeru, guru penasihat kelab persatuan, sukan permainan dan badan beruniform perlu merancang terlebih dahulu sebelum sesuatu aktiviti kokurikulum itu dijalankan (Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan), 1997).

Tiada sebarang unsur diskriminasi dalam penganjuran sesuatu aktiviti kokurikulum dan pihak sekolah dikehendaki membuka penyertaan kepada semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama. Kegiatan-kegiatan kokurikulum tersebut hendaklah bersifat merentas disiplin, bersepadu dan tidak bersifat eksklusif kepada pelajar yang terpilih sahaja. Ini bertujuan supaya matlamat mewujudkan perpaduan dan integrasi dalam kalangan semua pelajar boleh tercapai dengan jayanya (Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000).

Semua pentadbir sekolah wajib menjalankan aktiviti kokurikulum dan keengganan atau kegagalan mereka melaksanakan aktiviti kokurikulum boleh dikenakan tindakan undang-undang. Mereka boleh dikenakan hukuman denda atau penjara atau kedua-dua sekali apabila disabitkan bersalah seperti termaktub dalam Seksyen 135, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) berikut:

“(1) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Akta 550 yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya”

“(2) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 550 ini boleh dikenakan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan. Apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya di bawah Akta 550 ini berkenaan dengan kesalahan itu bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan”

Selain itu, semua guru yang berkhidmat di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan wajib mengurus, mengelola dan menyelia aktiviti-aktiviti kokurikulum. Ini merupakan antara tugas utama semua guru di sekolah dan penyertaan mereka sangat penting bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti tersebut (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1985). Jika terdapat guru yang tidak memberikan komitmen dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum, mereka boleh diambil tindakan tatatertib dan dikenakan tindakan disiplin kerana melanggar etika sebagai seorang penjawat awam dan perbuatan tersebut diklafikasikan sebagai mencalarkan profesion sebagai seorang guru (Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D).

AKTIVITI KOKURIKULUM DAN KEPERLUANNYA DALAM MENCAPI MASLAHAH

Aktiviti kokurikulum merangkumi tiga aktiviti utama iaitu kelab persatuan, sukan permainan dan unit beruniform atau dikenali dengan nama Pasukan Pakaian Seragam (Omardin Ashaari, 1998: 34). Aktiviti ini dirancang untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin, berfikiran matang, mempunyai bakat kepimpinan dan berdaya saing. Matlamat ini membentuk kebaikan yang termasuk dalam perkara *masalah* dalam syarak sekalipun ia bersifat sampingan (*juz'iyah*) dan tidak disebut dengan jelas dan terperinci dalam nas-nas. Walaupun begitu, pada hakikatnya syariat Islam meraikan semua *masalah* manusia sama ada yang umum atau khusus. Malah hukum syarak berdiri selari dengan *masalah* dan sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman ('Abd al-Karim Zaydan, 2011: 189).

MASLAHAH DARURIYYAH (KEPENTINGAN ASASI) DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Maslahah daruriyyah ialah *masalah* yang mesti dicapai demi kesejahteraan dalam beragama dan kelangsungan hidup seharian dan perkara tersebut merupakan keperluan asasi bagi semua manusia. Kehidupan manusia menjadi kucar-kacir dan kenikmatan dunia tidak akan dirasai oleh mereka apabila *masalah* tersebut tiada (Al-Shatibi, 2011: 2: 6). *Maslahah daruriyyah* terdiri daripada lima aspek utama (*daruriyyat al-khams*) iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Al-Ghazali :251). Menurut Ahmad al-Raysuni (2014: 89) *daruriyyat al-khams* ini terangkum dalam ayat al-Quran dalam Surah al-An'am ayat 151 hingga 153. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah: "Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu iaitu janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut kemiskinan, Kami akan memberi rezeki kepadamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak di antaranya mahupun yang tersembunyi, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar". demikian itu yang diperintahkan kepadamu supaya kamu memahami(nya). Dan janganlah kamu dekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat, hingga sampai ia dewasa. dan sempurnakanlah tukaran dan timbangan dengan adil. Kami tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar kesanggupannya. dan apabila kamu berkata, Maka hendaklah kamu berlaku adil sekalipun ia adalah kerabat(mu), dan penuhilah janji Allah. yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu ingat. Dan bahawa (yang Kami perintahkan ini) adalah jalanKu yang lurus, Maka ikutlah Dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain), kerana jalan-jalan itu menceraiberaikan kamu daripada jalanNya. yang demikian itu diperintahkan Allah agar kamu bertakwa. (al-An'am 6: 151-153)

Aktiviti kokurikulum sangat menekankan kepada pemeliharaan dan kesucian agama Islam. Justeru, penubuhan Persatuan selain agama Islam hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri yang berkuasa sebagai pendaftar. Bagaimanapun ini tidak menyekat para pelajar untuk aktif dan beraktiviti dalam persatuan yang ada di sekolah. Cuma aktiviti persatuan tersebut hendaklah tidak bersifat sebagai satu usaha untuk mengembangkan kepercayaan dan anutan serta mempengaruhi pelajar beragama Islam. Penyebaran agama terbabit adalah dilarang dan merupakan kesalahan yang boleh diambil tindakan

tatatertib dan pendaftar berhak membubarkan persatuan tersebut (Pekeliling Ikhtisas Bil. 20/2000). Justeru prosedur ini adalah bertepatan dengan *maqasid al-shari'ah* iaitu memelihara agama.

Penganjuran program seperti ceramah dalam kalangan pelajar adalah sebagai salah cara pengukuhan kepada proses pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam yang berlaku dalam kelas. Aktiviti ini mendapat sokongan padu daripada Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Walaubagaimanapun, pihak sekolah hendaklah mengutamakan guru-guru sekolah atau yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan pendidikan sebagai penceramah. Tokoh-tokoh perseorangan atau individu-individu yang bukan bergelar guru tidak digalakkan sebagai penceramah jemputan (Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1991). Pekeliling ini bukan bertujuan menyekat aktiviti dakwah berkembang di sekolah tetapi kerana atas faktor *masalah* memelihara agama. Perkara ini juga selari dengan kaedah fiqhiyyah yang bermaksud: tindakan pemerintah ke atas rakyat adalah berkaitan dengan *masalah*. Ini kerana guru yang berkhidmat dalam perkhidmatan pendidikan sudah pasti akan menyebarkan dan menyampaikan ilmu berdasarkan fahaman yang tepat. Perkara ini sudah termaktub dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012: 26):

Matlamat pendidikan Islam di sekolah agama KPM adalah untuk membentuk insan seimbang berteraskan kekuatan ilmu, iman dan amal berasaskan al-Quran dan as-Sunnah dan berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran mazhab al-Syafie.

Pelajar juga diwajibkan solat berjemaah sepanjang perkhemahan berlangsung. Peraturan ini dibuat atas pertimbangan untuk mencapai *masalah*. Kesan positif daripada solat yang didirikan secara khusyuk akan mendatangkan *masalah* kepada masyarakat amnya dan pelajar sekolah khususnya. Pelajar muslim yang mengerjakan solat akan terhindar daripada perbuatan keji dan mungkar serta kesalahan disiplin. Allah SWT menyifatkan *masalah* yang terbesar dan terpenting daripada pensyariatan solat adalah seseorang itu termasuk pelajar akan dapat mengingat Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu iaitu Al-kitab (Al-Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan- perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat- ibadat yang lain). dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan. (al-'Ankabut 29: 45)

Aspek pemeliharaan nyawa sangat dititikberatkan dalam setiap aktiviti kokurikulum seperti memastikan semua alat sukan berada dalam keadaan baik dan selamat sebelum digunakan oleh pelajar. Selain itu sebarang aktiviti kokurikulum tidak boleh dijalankan ketika hujan dan rebut petir sama ada di kolam renang atau pun padang (Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000). Prosedur yang ketat perlu dilakukan oleh pihak sekolah terutamanya guru penasihat sebelum menganjurkan sesuatu perkhemahan. Surat makluman kepada pihak berwajib seperti Balai Polis terdekat adalah bertujuan supaya semua pelajar dalam keadaan selamat daripada sebarang perbuatan jenayah. Selain itu mereka juga berkewajipan memastikan tapak perkhemahan selamat daripada sebarang bahaya seperti bukan kawasan banjir, wabak penyakit, hakisan atau tanah runtuh, tiada binatang buas dan serangga merbahaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t: 101). Semua prosedur ini bertepatan dengan *masalah* menjaga nyawa. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menggalakkan semua pelajar sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mengambil skim perlindungan diri yang bertujuan memberi manfaat perlindungan insurans/takaful apabila mereka terlibat dengan kemalangan termasuk ketika menjalani aktiviti kokurikulum (Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1995).

Peraturan semasa perkhemahan melarang pelajar lelaki mencerooboh memasuki tempat penginapan pelajar perempuan. Begitu juga pelajar perempuan dilarang memasuki tempat penginapan dan persalinan lelaki tanpa sebab yang munasabah. Semua pelajar juga dilarang menjalankan aktiviti yang bersifat lucah sepanjang perkhemahan berlangsung (Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1995). Prosedur ini adalah bertujuan memelihara keturunan dan perkara ini terdapat dalam ayat yang melarang daripada mendekati perbuatan keji yang ditafsirkan sebagai perzinaan.

Minuman keras juga tidak dibenarkan semasa perkhemahan. Tindakan disiplin boleh dikenakan jika pelajar disabitkan bersalah meminum arak (Kementerian Pendidikan Malaysia , t.t: 104). Larangan ini adalah bertujuan

untuk memelihara akal dan dalam perkara ini terdapat dalam firman Allah SWT yang bermaksud mudah-mudahan kamu semua berfikir. *Maslahah* daripada pengharaman arak dan dadah adalah bertujuan untuk memelihara akal daripada hilang kewarasan akibat mabuk dan akan menyebabkan kemudaratan kepada tubuh badan seseorang. Pelajar yang mabuk dan sakit tidak akan mampu memberi komitmen kepada aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Selain itu, *masalahah* daripada larangan ini adalah untuk mengelak daripada kerosakan akhlak seperti bergaduh sesama sendiri ketika mengikuti aktiviti kokurikulum. Mereka juga dalam keadaan mabuk tidak akan mampu mengingati Allah SWT dan menunaikan solat (Ahmad al-Raysuni, 2014: 132). Perkara ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran surah al-Maidah ayat 91 yang bermaksud:

Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran (meminum) arak dan berjudi itu, dan menghalangi kamu dari mengingat Allah dan sembahyang maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu).

Daruriyyat yang kelima iaitu pemeliharaan harta. Perkara ini ditekankan sepanjang perkhemahan iaitu perbuatan mencuri adalah kesalahan berat dan pelajar yang terbabit boleh dihukum (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t: 104).

MASLAHAH HAJIYYAH (KEPERLUAN BIASA) DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Maslahah hajiyyah ialah *masalahah* yang perlu ada dalam kehidupan seseorang manusia untuk kesenangan dan keselesaan hidup mereka di dunia tetapi *masalahah* tersebut tidak mencapai tahap keperluan asasi. Apabila *masalahah* tersebut tidak diperolehi maka seseorang itu akan mengalami kesusahan dan kesempitan hidup. Contoh *masalahah* jenis ini ialah rukhsah solat qasar dan jamak serta keharusan berbuka puasa ketika musafir. Pelajar sekolah yang mengikuti rombongan lawatan sambil belajar boleh menunaikan solat secara qasar dan jamak. Begitu juga rukhsah ketika sakit, seseorang itu termasuk pelajar dibenarkan mengerjakan solat dalam keadaan duduk dan mereka juga diharuskan berbuka puasa (Bilqasim al-Zubydi, 2014: 446). *Maslahah* jenis ini bukan dalam kategori darurat yang jika *masalahah* tersebut tiada, seseorang itu hanya akan menghadapi kesulitan sahaja dan tiadaanya tidak sehingga mengganggu kelangsungan hidup (Muhammad, 2008: 237).

Walau bagaimanapun pemeliharaan *masalahah hajiyyah* mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan *masalahah daruriyyah*. Contohnya dalam aspek penjagaan agama yang termasuk dalam *masalahah daruriyyah*. Ramai pelajar akan meninggalkan ibadat solat dengan sengaja dalam keadaan kesukaran ketika mengikuti aktiviti kokurikulum kerana beralasan mereka kesuntukan masa disebabkan aktiviti begitu padat. Begitu juga ketika rombongan lawatan sambil belajar, alasan musafir akan digunakan untuk meninggalkan kewajipan menunaikan solat. Justeru, *masalahah hajiyyah* yang memberi rukhsah ketika keadaan sukar merupakan antara hikmah daripada Allah SWT yang menunjukkan syariat Islam meraihan *masalahah* manusia. Perkara ini selari dengan kaedah fiqhyyah yang bermaksud kesukaran akan membuka kepada kemudahan dan kaedah yang bermaksud apabila sesuatu perkara itu sempit maka akan diluaskan. Kaedah ini dibina berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan, Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan. (al-Syarah 94: 5-6)

MASLAHAH TAHSINIYYAH (KETINGGIAN MUTU) DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Maslahah tahsiniyyah ialah berkaitan kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Contoh *masalahah tahsiniyyah* seperti menjaga kebersihan, menutup aurat, melakukan amalan-amalan sunat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, beradab ketika makan dan minum, tidak membazirkan makanan dan minuman serta larangan membunuh wanita, kanak-kanak dan paderi dalam peperangan (Bilqasim al-Zubydi, 2014: 446). Semua manfaat yang tidak sampai ke tahap *daruriyyat* dan *hajiyyat* maka *masalahah* tersebut adalah dalam kategori *tahsiniyyah* iaitu dalam kategori kemewahan, pelengkap dan nilai tambah. Menurut 'Izz al-Din bin Abd al-Salam (t.t: 2: 60), semua yang bersifat kemewahan seperti makanan yang enak, pakaian yang mahal dan berjenama adalah

masalah tahsiniyyah. Perbuatan seseorang pelajar berpenampilan kemas seperti memotong bulu ari-ari, memendekkan misai, mengerat kuku dan mencabut bulu ketiak termasuk dalam kategori *masalah tahsiniyyah*. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Terjemahan: Fitrah itu mempunyai lima atau lima daripada fitrah: khitan, memotong buku kemaluan, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan memendekkan misai (al- Bukhari, 5439)

Justeru itu, pelaksanaan aktiviti kokurikulum mampu melahirkan pelajar yang berdisiplin dan berpenampilan kemas serta berpakaian dengan rapi seperti memasukkan kemeja dalam seluar dan mengancing butang baju. Mereka dikehendaki memakai uniform badan beruniform dengan kemas. Pihak sekolah diberikan kebenaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengambil tindakan yang wajar serta tegas jika mereka tidak mematuhi peraturan sekolah (Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1996). Selain itu, pelajar juga dilarang daripada menebang atau merosakkan pokok-pokok yang terdapat dalam kawasan perkhemahan (Kementerian Pendidikan Malaysia, t.t: 104). Larangan ini adalah bertujuan untuk memperolehi *masalah tahsiniyyah*.

Begitu juga seorang pelajar semasa menjalani perkhemahan akan beradab ketika makan seperti menyebut nama Allah SWT, makan dengan menggunakan tangan kanan serta mengambil makanan yang paling dekat dengan seseorang adalah termasuk dalam *masalah tahsiniyyah* (Ahmad al-Raysuni , 2014: 100). Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

Wahai kanak-kanak, sebutlah nama Allah, makan dengan tangan kanan dan makanlah yang paling hampir dengan kamu (al- Bukhari, 4957)

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kesimpulan yang boleh dibuat adalah kokurikulum adalah merupakan aktiviti yang termaktub dalam Akta Pendidikan Malaysia dan pelaksanaannya adalah selaras dengan peruntukan statutori. Dalam pendidikan, kokurikulum adalah pembelajaran tambahan selain pembelajaran dan pengajaran dalam kelas yang rasmi. Ia mengandungi pelbagai aktiviti yang bertujuan meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar dan kebaikan-kebaikan ini sangat memberi *masalah* kepada pelajar. Perkara ini adalah bertepatan dengan *maqasid al-shari'ah* iaitu memastikan semua manusia akan hidup dalam keadaan baik dan terhindar daripada sebarang bahaya kemudaratan. Bagaimanapun, pengelakan daripada melaksanakannya boleh dikenakan denda dan hukuman tertentu. Bagi memastikan *masalah* tercapai, setiap aktiviti kokurikulum perlu dipantau dan diberikan penelitian yang mendalam supaya para pelajar tidak mendapat kemudaratan ketika mengikutinya. Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab memastikan semua *masalah* ini sentiasa terpelihara melalui kandungan kokurikulum dan manual pelaksanaannya. Perkara ini dapat dipastikan dengan lebih jelas melalui surat pekeliling ikhtisas, buku panduan pelaksanaan kokurikulum dan juga pemantauan secara berkala oleh Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri.

RUJUKAN

- 'Abd al-Karim Zaydan (2011), *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
- 'Iyadh bin Nami al-Silmi (2005), *Usul al-Fiqh*, Riyadh: Dar al-Tadmuriyyah, 2005.
- 'Izz al-Din 'Abd al-Salam, Abi Muhammad (t.t), *Qawa'id al-Ahkam Fi Masalih al-Anam*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Ahmad al-Raysuni (2014), *Muhadarat Fi Maqasid al-Shari'ah*, Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Akta Pelajaran 1956, Kementerian Pendidikan Malaysia 1985
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il (2001), *Sahih al-Bukhari*, Kaherah, Dar al-Taqwa.
- Al-Ghazali (1971), *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shatibi, Abi Ishaq (2011), *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*, Kaherah, Dar al-Ghad Al-Hadid, 2011.
- Bilqasim bin Zakir al-Zubydi (2014), *al-Ijtihad Fi Manat al-Hukm al-Syar'i 'Ind al-Usuliyin Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah*, Saudi: Takwin li al-dirasat wa al-abhath.
- Dasar Pendidikan Kebangsaan 1996

- Ibn Manzur, Muhammad b. Mukram b. 'Ali b. Ahmad b. Abi al-Qasim b. Huqbah (t.t), *Lisan al-'Arab*, al-Qahirah:Dar Ma'arif.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), *Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (t.t), *Buku Panduan Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Muhammad bin Husin (2008), *Ma'alim Usul al-Fiqh 'Ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Saudi: Dar Ibn al-Jauzi.
- Mustafa Dib al-Bugha (2007), *Usul al-Fiqh al-Islami Dirasah 'Ammah*, Damsyiq, Dar al- Mustafa.
- Omardin Ashaari (1998), *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Pekeliling ikhtisas Bil. 1/1985
- Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1991 bertarikh 25 Januari 1991
- Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2000 bertarikh 16 November 2000
- Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1996 bertarikh 24 Jun 1996
- Pekeliling Ikhtisas Bil. 20/2000 bertarikh 16 Disember 2000
- Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1995 bertarikh 21 Julai 1995
- Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2000 bertarikh 30 Mac 2000
- Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
- Peraturan-peraturan Pendidikan (kurikulum Kebangsaan) 1997
- Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D)
- Wahbah al-Zuhaily (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Beirut, Dar al-Fikr al-Mu'asir.